

07 AUG 2002

Kyrgyz-Jambatan/I

REPUBLIK KYRGYZ "JAMBATAN" KE NEGARA-NEGARA ASIA TENGAH

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Republik Kyrgyz, yang sedang melalui perubahan pesat dalam sektor politik dan ekonomi sedang bersiap sedia untuk menjadi sebuah kuasa ekonomi terkemuka dan "jambatan" ke negara-negara Asia Tengah.

Presiden Kyrgyz Askar Akayev berkata, republik itu yang kini lebih mesra pelabur dengan pembaharuan ekonomi paling liberal daripada segi perdagangan domestik dan antarabangsa, merupakan jambatan terbaik ke pasaran Asia Tengah.

Dengan "Laluan Sutera" (Great Silk Road) sedang dihidupkan semula bagi menghubungkan Asia dan Eropah, republik itu kini menjadi jambatan ke negara-negara jiran dan kedua-dua benua.

"Langkah menghidupkan semula Laluan Sutera adalah signifikan kerana ia boleh menggalakkan bukan sahaja aktiviti ekonomi antara kedua-dua negara tetapi juga daripada segi pertukaran pergerakan, barangan, pengetahuan, teknologi dan penduduk," kata beliau kepada Bernama dan TV3, melalui seorang penterjemah, dalam satu temubual di akhir lawatan beliau ke Malaysia.

Ini merupakan lawatan kedua Akayev ke Malaysia. Lawatan pertama beliau ialah pada 1995.

Presiden Kyrgyz berkata negara itu sedang mengusahakan satu projek landasan kereta api yang menghubungkan China dengan Asia Tengah melalui Kyrgyz, dan ia akan menjadi sebahagian daripada landasan merentasi benua yang menghubungkan Shanghai dengan Paris.

"Dr Mahathir (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) juga telah membincangkan kemungkinan menghubungkan landasan keretapi itu dengan Malaysia. Ia sekali lagi akan menghidupkan Laluan Sutera yang gemilang pada satu masa dahulu dan ia akan membuka peluang-peluang baru bagi negara-negara Asia Tengah untuk memajukan perdagangan, ekonomi dan kerjasama budaya bersama negara-negara Asia Tenggara," kata beliau.

Menyifatkan lawatan tiga hari beliau sebagai berhasil dan membawa manfaat, Akayev menyanjungi Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang pemimpin terkemuka bagi Malaysia dan negara-negara membangun.

Beliau juga memuji sumbangan Malaysia, khususnya Perdana Menteri dalam membantu republik itu menjalankan program pembangunan menyeluruh 10 tahun, dengan program itu mengambil nama beliau.

Ia telah membolehkan Kyrgyz menjadi antara negara yang paling progresif dalam Komanwel Negara-negara Merdeka, kata presiden itu dan menyeru ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk melabur di negara itu khususnya dalam pelancongan dan industri-industri yang berkaitan, pertanian dan pemprosesan makanan, industri tekstil serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Beliau berkata, negara itu sedang berbuat segala yang boleh untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan untuk menarik lebih banyak pelaburan terus asing (FDI) dan sedang merancang untuk menubuhkan sebuah Zon Perdagangan Bebas (FTZ) bagi usahawan Malaysia.

Akayev berkata penerbangan terus yang diwujudkan antara ibu negeri Kyrgyz, Bishkek dan Kuala Lumpur merupakan satu lagi langkah dalam menghidupkan semula Laluan Sutera yang boleh meningkatkan dan memperkukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi kedua-dua negara.

Negara bergunung-ganang itu yang dikelilingi daratan dengan jiran-jiran yang mengelilinginya ialah China, Kazakhstan, Uzbekistan dan Tajikistan menyambut hari kemerdekaannya pada 31 Ogos, sama dengan Malaysia.

Mengenai politik dan hubungan diplomatik, Presiden itu berkata Kyrgyz dan Malaysia yang merupakan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) boleh bekerjasama dalam mengalakkan keamanan dan keselamatan di seluruh dunia.

Semasa lawatannya ke sini, Akayev mengambil peluang untuk mendapatkan sokongan Malaysia bagi mewujudkan dialog antara Pertubuhan Bagi Keselamatan dan Kerjasama di Eropah (OSCE) dan OIC untuk menjalin persefahaman lebih baik mengenai Islam dan untuk mengenal pasti punca-punca keganasan dan pelampauan agama.

-- BERNAMA

HS AHH PR